

NOTA MAKLUMAN
MENGENAI
KEBAKARAN KILANG DI KAWASAN PERINDUSTRIAN TUNGZEN,
GOPENG, PERAK DARUL RIDZUAN
PADA
5 DISEMBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkenaan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima maklumat kebakaran premis Terra Cycle Sdn Bhd., yang menjalankan aktiviti pyrolysis tayar terpakai di Kawasan Perindustrian Tungzen Gopeng, Perak daripada pihak BOMBA pada jam 3.10 petang, 5 Disember 2025. Perkara yang sama juga telah dimaklumkan oleh YB Exco Sains, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau, Perak pada jam 4.50 petang dan telah juga di muat naik ke aplikasi TikTok@hotdtaipinghdt3 pada tarikh yang sama.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar

3. Siasatan dijalankan sebaik sahaja maklumat diterima dan mendapati operasi pemadaman sedang dijalankan oleh pihak BOMBA. Pihak Bomba tidak membenarkan menghampiri dan memasuki kawasan kejadian atas faktor keselamatan.
4. Kebakaran telah berjaya dipadam sepenuhnya jam 5.30 petang dan JAS dimaklumkan kebakaran disyaki bermula di kawasan pemprosesan. Punca sebenar kebakaran akan diketahui setelah siasatan lengkap oleh Pasukan Forensik BOMBA akan dilakukan pada 6 Disember 2025.
5. Hasil pemerhatian dari bahagian luar premis dan siasatan dengan menyusuri longkang di luar premis mendapati, terdapat aliran minyak berwarna hitam bercampur air dari proses pemadaman memasuki longkang tersebut. Longkang tersebut bersambung dengan Sungai Raia dan jika aliran tersebut tidak dikawal, ianya berpotensi mencemari Sungai Raia.
6. Pihak premis telah melakukan sekatan di dalam longkang untuk menghalang pengaliran air yang tercemar dan operasi penyedutan air longkang berhampiran premis dan di Persiaran Perindustrian Tungzen 23 yang dicemari minyak juga telah dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh premis.
7. Pihak premis memaklumkan, kelengkapan untuk kawalan tumpahan minyak seperti *absorbent pad* dan lain-lain peralatan telah musnah dalam kebakaran.

8. Kerja-kerja pembersihan oleh pihak premis masih dijalankan dan pemerhatian mendapati terdapat sedikit tumpahan telah memasuki Sungai Raia. Tiada pencemaran udara yang ketara di kawasan sekitar.

9. Semakan rekod JAS mendapati bahawa premis telah mendapat kelulusan EIA untuk menjalankan aktiviti pyrolysis pada 4 Ogos 2023. Walaubagaimanapun, premis telah dikenakan tindakan penahanan operasi kelengkapan (POK) terhadap satu (1) unit *rotary burner* bermula pada 28 Oktober 2025 dan sehingga kini premis hanya beroperasi dengan menggunakan satu (1) unit scrubber sahaja.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

10. Tiga (3) sampel air yang dicemari minyak di sepanjang laluan longkang telah diambil untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia.

11. Arahan di lapangan telah dikeluarkan kepada premis untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan segera.

SYOR

12. Notis Arahan akan dikeluarkan kepada premis untuk mengemukakan maklumat berkaitan kejadian dan juga langkah-langkah pembaikan. Pihak premis juga diarahkan supaya menguruskan sisa-sisa tumpahan yang dikumpul mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

13. Siasatan di dalam premis akan diteruskan setelah mendapat kebenaran daripada pihak BOMBA.

14. Tindakan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (AKAS, 1974) akan dikenakan terhadap pihak premis setelah siasatan secara menyeluruh selesai dijalankan dan jika terdapat pelanggaran terhadap AKAS, 1974.

15. JAS akan meneruskan pemantauan kerja-kerja pembersihan dan memastikan tiada pencemaran air dan udara berpunca daripada kejadian tersebut.

PENUTUP

16. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap perkara ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

6 Disember 2025



Gambar 1: Rakaman video kejadian letupan di premis Tiara Cycle yang dimuatnaik oleh pengguna TikTok

Gambar Semasa Siasatan



Gambar 2 & 3: Operasi pemadaman oleh pihak BOMBA



Gambar 4 & 5: Operasi pembersihan dan kawalan tumpahan minyak di dalam longkang luar premis oleh pihak kontraktor



Gambar 6: Proses pencucian menggunakan *detergent* oleh pihak premis



Gambar 7: Persampelan di longkang hadapan premis



Gambar 8: Persampelan di longkang Persiaran Perindustrian Tungzen 23



Gambar 9: Persampelan di Sungai Raia. Terdapat kesan tumpahan tetapi dalam kuantiti yang sedikit